



UTUSAN
24/9/15

SITI SALMIYAH TAHIR

Rabies: JPV lanjut tempoh beri suntikan vaksin

PULAU PINANG 23 Sept. - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri akan melanjutkan tempoh pemberian suntikan vaksin hari ini dan esok bagi mencegah penularan penyakit anjing gila atau rabies yang semakin membimbangkan di negeri ini.

Pengarahnya, Dr. Siti Salmiyah Tahir berkata, lanjutan perkhidmatan itu dilakukan kerana pihaknya akan menerima sebanyak 300 dos vaksin daripada ibu pejabat petang ini.

Menurutnya, pemilik anjing di negeri ini boleh menghubungi JPV selepas pukul 5 petang dan perkhidmatan akan berlanjutan sehingga pukul 10 malam.

"Pemberian vaksin akan diteruskan esok bermula pukul 9 pagi hingga 10 malam walaupun cuti umum Hari Raya Aidiladha," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Semalam, JPV negeri memaklumkan pihaknya sudah kehabisan stok vaksin itu dan perlu menunggu dalam tempoh seminggu untuk mendapatkan bekalan semula kerana diimport dari luar negara.

Siti Salmiyah berkata, pihaknya menjangkakan bekalan berkenaan hanya bertahan untuk tempoh dua hari sahaja kerana 150 dos diperlukan setiap hari.

Dalam pada itu, katanya, sehingga semalam, JPV negeri menangkap sebanyak 484 ekor anjing liar dengan 297 telah diberi suntikan vaksin.

"Semalam terdapat lima kes gigitan dilaporkan menjadikan keseluruhan sebanyak 41 kes.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 10 melibatkan kes gigitan anjing bertuan yang mana kita telah kuarantin anjing berkenaan selama 14 hari," katanya.